



Melawat Indonesia Merdeka

(oleh Edrus - khas untuk majalah Qalam sahaja)

Sambutan-sambutan yang diadakan atas ketibaan Presiden Sukarno sebagaimana yang saya riwayatkan di dalam keluaran Majalah Qalam bilangan 2 itu adalah membawa suatu kesan yang besar kepada diri saya. Saya terasa dan terbayang-bayang masa itu bagaimana kelak negara Indonesia yang terbaik penduduknya daripada orang-orang Islam akan menjadi sebuah kerajaan Islam yang kuat yang mempunyai penduduk lebih daripada 70 million itu akan berdiri mempertahankan syiar Islam di Timur Jauh daripada segala kecerobohan-kecerobohan yang cuba mengecilkan kekuatan-kekuatan Islam pada masa yang telah lalu dan pada masa yang akan datang.

Ucapan presiden Sukarno dengan mengucapkan alhamdulillah dan menggunakan ayat-ayat Allah itu adalah menyeramkan tubuh saya dan melihat kepada sambutan-sambutan yang bergembira dan sebegitu hebat masa itu dengan tidak saya sedari air mata saya jatuh setitik dua. Saya tidak ketahui mengapa maka jadi sedemikian itu – adakah kerana saya terikut bergembira atau adakah kerana perasaan agama yang ada pada diri saya telah sangat mengharap kepada kebesaran dan kebangkitan persaudaraan Islam itu telah menaikkan kegembiraan itu tidaklah saya ketahui.

Hal itu bertambah-tambah lagi apabila lagu Indonesia Raya yang menggegar semangat dan menaikkan kegembiraan itu

dilakukan beramai-ramai maka perasaan yang merdeka pada masa itu telah melimpah sepenuhnya di dalam hati saya dan perasaan syukur atas kelimpahan Allah memberi kurnia kemerdekaan Indonesia dengan sepenuhnya itu mustahaklah disebut dan dibesarkan oleh tiap-tiap hati orang-orang Indonesia.

Yang demikian ini saya sebut di sini ialah oleh kerana jika dipandang dengan mata kasar nescaya kemerdekaan Indonesia tidak akan didapati dengan sebegitu segera oleh orang-orang Indonesia yang lemah serba serbi alat persenjataannya. Lemah di dalam segala ketenteraannya tetapi cukup mempunyai keyakinan-keyakinan yang penuh “bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu melainkan kaum itu sendiri mengubah nasibnya”. Nasib Indonesia tidak akan dapat berubah kepada merdeka dengan seratus peratus jika ummat Indonesia terutamanya cerdik pandainya bepangku lutut mengharap kepada semata-mata atas kesenangan dan kemewahan diri dan kesenangan diri sendiri sedang orang-orang awamnya diperah tenaganya, tenaga mereka itu dijual dengan harga yang sangat murah sehingga pada satu masa pendapatan upah atau kehidupan sebahagian daripada orang-orang di Indonesia itu hanya dua sen setengah sehari yang jika dibelikan makanan seekor anjing peliharaan seorang Inggeris tentu tak mencukupi apalagi untuk makanannya.

Penderitaan-penderitaan yang sebegitu hebat. Tindakan-tindakan yang sebegitu

sebegitu zalim, perbuatan memerah tenaga rakyat dengan upah yang tersangat rendah dan tersangat murah itu sudah tentu tidak akan menyangkan hati orang-orang terpelajar Indonesia. Mereka itu kebanyakan mereka-mereka yang insaf kepada penanggungan dan penderitaan rakyat itu tidak sedap mereka menelan nasi yang dimakannya dan sebagaimana saya sebutkan di dalam makalah saya yang lalu maka banyak daripada mereka itu yang menolak tawaran gaji daripada kerjaan yang beribu-ribu Rupiah banyaknya dengan syarat mereka tidak mengadakan perkhidmatan untuk rakyat itu yang telah ditolak mereka. Gambaran-gambaran yang demikian ini, kejadian-kejadian yang demikian ini hendaklah diperhati dan disemak oleh kaum-kaum terpelajar kita di sini dengan halus dan saksama.


Kita mengetahui keadaan dan kedudukan kita di sini, sungguhpun berlainan daripada apa yang telah terjadi kepada saudara-saudara kita di Indonesia itu tetapi di sebalik itu hendaklah kita insaf bahawa janganlah kita melupakan hak dan maslahat rakyat jelata. Kita janganlah hendaknya menopengkan

segala usaha kita dikatakan atau disuarakan untuk rakyat jelata tetapi di sebalik itu kita menjaga dan mengutamakan maslahat kita dengan menjadikan rakyat jelata itu sebagai sasaran jua. Orang-orang besar kita hendaklah ingat bahawa yang membesarkan mereka itu ialah rakyat jelata Melayu. Raja-raja kita hendaklah mengenang bahawa yang merajakan mereka ialah rakyat jelata Melayu yang sentiasa menjunjung jari menyembah mengaku taat setia kepadanya. Mereka itu mestilah mengenang perkataan Almarhum Sultan Abdul Aziz Perak dahulu tatkala hak raja hampir terhapus dan ditegakkan semula oleh rakyat yang menjadikannya bertitah : “Raja itu rakyat dan rakyat itu raja”.

Dengan keadaan sekarang – setelah terlepas segala penanggungan yang hebat yang cuba merampas hak Melayu itu telah terlepas maka maslahat rakyat jelata itu hendaklah dipertahankan bersama-sama berhabis-habisan – jangan nafsu-nafsi masing-masing memalingkan belakang dengan berkata “aku apa peduli bukan



Beribu-ribu manusia yang hadir di dalam perayaan sambutan kemerdekaan Indonesia di Jakarta di hadapan Istana Merdeka itu adalah menunjukkan bagaimana semangat dan roh mereka telah menyerap ke dalam darah daging mereka. Merdeka ertinya merdeka bagi segala penjajahan dan pemerintahan negeri mereka adalah untuk bangsa dan tanah air mereka – bukan untuk faedah orang lain.



Wakil-wakil India, Pakistan, Saudi Arabia dan Iraq bersama-sama dengan Syahrir sedang beramah mesra di dalam masa hari penyerahan kedaulatan Indonesia dahulu – gambar Qalam.

-----*-----*-----

kena mengenai dengan muslihatku?”

Kita wajib memerhatikan kepada tawaran-tawaran yang diberi oleh kerajaan di Semenanjung ini atas perjanjian-perjanjian untuk menjadikan atau untuk mendirikan di Semenanjung ini sebuah pemerintahan yang berkerajaan sendiri! Untuk siapakah pemerintahan itu – adakah untuk kita orang-orang Melayu – sebagaimana yang disebut di dalam perjanjian Federation iaitu kerajaan akan memimpin dan melayakkan orang-orang Melayu itu memerintah negerinya sendiri atau untuk anak-anak dagang?! Perhatian perkara ini sebelum kedudukan negeri kita terjual atau tergadai oleh mereka-mereka yang barangkali ada mencuba kepada cita-cita yang demikian itu yang tersembunyi di dalamnya konon-kononnya kerana maslahat orang-orang Melayu.

-----*-----*-----

Sekarang marilah saya bawa pembaca-pembaca kepada keadaan di Indonesia semula. Sebelumnya saya membawa perkara-perkara atas masalah umum di sekeliling bandar Jakarta yang berpenduduk

sebanyak dua million lebih iaitu maka saya di sini meneruskan lebih dahulu perkara-perkara yang berkait dengan sambutan hari penyerahan kedaulatan itu. Orang-orang yang Pakistan di Jakarta telah mengadakan sambutan itu pada pukul 4.30 petang di Hotel Des Indes (di sini) hotel yang terbesar sekali di Jakarta dengan dihadiri oleh orang-orang besar Indonesia.

Di dalam perjumpaan ini tidak suatu pun yang menarik perhatian saya tetapi pada petang itu juga saya bersama-sama dengan beberapa orang wartawan, rakan sejawat saya telah pergi pula ke bangunan Syarikat Kawat “Antara” kerana di sana diadakan perjumpaan wartawan-wartawan yang pada masa itu ada banyak datang ke Jakarta dari seluruh Indonesia dan juga wartawan-wartawan asing.

Perjumpaan wartawan ini dihadiri oleh Menteri Penerangan Indonesia Tuan Manuel Mononoto, seorang yang telah ada berumur dan jaguh-jaguh wartawan-wartawan dari Jokja datang mengiring Presiden Sukarno datang ke Jakarta. Wartawan-wartawan Jakarta menyambut perjumpaan itu sebagai perjumpaan penyerahan juga iaitu penyerahan di antara wartawan-wartawan Jokja kepada wartawan Jakarta keadaan perjumpaan ini adalah berlaku dengan cukup ramah dan mesra di sinilah saya berkenal dengan beberapa orang wartawan dari Sumatera dan Jokja.

Perjumpaan ini dibuka oleh saudara Bafaqih, wartawan dari Surat Khabar Merdeka yang berdasarkan sosialis. Setelah itu makan beberapa orang wartawan-wartawan dari Jokja telah berganti-ganti berucap yang membahas perihal ehwal perhubungan di antara wartawan-wartawan itu dengan Jabatan Penerangan yang baharu. Ucapan-ucapan itu akhirnya berupa suatu soal jawab atas perdirian masing-masing iaitu di antara Menteri Penerangan, Manuel Mononoto, dengan wartawan-wartawan Jokja. Sehabisnya itu maka saudara Bafaqih telah meminta saya memberi sedikit sumbangan kerana saya seorang sahaja dari Semenanjung ini. Permintaan itu saya tolak dengan

sebab perjumpaan itu ialah merundingkan perkara-perkara yang hangat dibahaskan mereka atas perdirian mereka dan jika saya memberi pandangan perihal dan keadaan di Semenanjung sudah tentu saya akan memutuskan perbahasan itu – itulah sebabnya saya tidak hendak berkata apa-apa dan menolak tawaran itu.

Kemudian pada malamnya maka suatu perjumpaan umum dengan Presiden Sukarno diadakan. Jemputan-jemputan khabarnya telah dikeluarkan 1,000 jemputan tetapi pada malam itu jemputan itu telah menjadi hingga lebih daripada lima ribu orang. Presiden Sukarno bersama isterinya pada malam itu nampaknya cukup letih dan lesu berjabat tangan dengan dif-dif itu kerana semenjak dari pukul 8 malam lagi ia telah berjabat salam sehingga membawa kepada pukul 12 malam.


Sungguhpun sebegitu letih keadannya tetapi kedua-dua beliau itu hanya tersenyum dengan manis menerima tahniah atas kejayaan perjuangan mereka. Mereka-mereka yang berjabat salam itu kemudian terus keluar ke belakang istana dan sebahagiannya turun ketengah-tengah padang itu untuk mengambil angin. Sebahagian daripada mereka itu kerana terlampau dahaga telah minum minuman yang disediakan.

Saya masa itu ada bersama-sama dengan wartawan “Antara” dari Jokja yang telah dikenalkan kepada saya oleh Tuan Adam Malik dari “Antara”. Di dalam kami berbual-bual itu maka pelayan Istana Merdeka itu pun datang membawa minuman-minuman bagi kami dan saya yang menerima minuman itu. Apabila saya hendak meminumnya maka baharulah saya menyedari bahawa minuman itu ialah minuman keras dan kerana itu saya pun menolak. Saya kemudiannya menyatakan hal itu

kepada rakan-rakan saya dan mereka pun menyatakan bahawa pada masa yang lampau di Jokja yang demikian ini telah dibantah. Ini, katanya, mereka baharu sampai di sini dan istana itu masih di dalam pertadbiran orang-orang Belanda – jadi tentulah yang demikian masih secara Belanda.

Rakan-rakan saya itu berharap tidaklah kelak di belakang hari menghidangkan minuman keras itu akan dilakukan lagi kerana sekalipun Indonesia belum diisytiharkan sebagai negara Islam tetapi keadaannya tidak kurang sebagai negara Islam. Kejadian ini adalah mengingatkan saya kepada kejadian di Singapura ini di dalam mana selalu sahaja perwakilan Indonesia di sini mengadakan jamuan-jamuan “cocktail” kerana hari-hari sambutannya. Yang demikian ini mudah-mudahan tidak akan berlaku lagi hendaknya.

(bersambung)



Askar-askar Belanda yang masih belum sampai gilirannya balik ke Holland dengan tidak ada sesuatu pekerjaan sentiasa makan angin dan bercengkarama dengan bangsanya di tempat-tempat yang lapang. Gambar menunjukkan seorang daripada askar Belanda sedang bercengkarama menghilangkan masanya dengan seorang perempuan bangsanya – gambar APB